

18/08/1998

KGMMB dipilih kesatuan contoh

KESATUAN Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) dipilih sebagai penerima Anugerah Kesatuan Sekerja Contoh Bagi Sektor Awam, Kementerian Sumber Manusia, sempena sambutan Hari Pekerja tahun ini.

Kesatuan itu akan menerima penganugerahan berkenaan yang dijadual disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Perhimpunan Perpaduan sempena Hari Pekerja 1998 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, hari ini.

Anugerah itu adalah antara 12 anugerah yang disediakan sempena sambutan berkenaan sejak tahun lalu. Daripada jumlah itu, empat anugerah untuk pekerja, kesatuan sekerja (dua), dan majikan (enam).

Anugerah kategori pekerja ialah Anugerah Tokoh Pekerja Lelaki, Anugerah Tokoh Pekerja Wanita, Anugerah Tokoh Pekerja Kurang Upaya Lelaki dan Anugerah Tokoh Pekerja Kurang Upaya Wanita.

Kategori kesatuan sekerja pula ialah Anugerah Kesatuan Sekerja Contoh Bagi Sektor Swasta dan Kesatuan Sekerja Contoh Bagi Sektor Awam.

Anugerah kategori majikan ialah Anugerah Majikan Prihatin, Anugerah Ladang Bahagia, Anugerah Pembangunan Tenaga Mahir Bagi Industri Besar, Anugerah Pembangunan Tenaga Mahir Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bagi Industri Besar, serta Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bagi IKS.

Sementara itu Presiden KGMMB, Abd Rahman Daud, ketika dihubungi berkata, pihaknya gembira dan terharu dengan pengiktirafan yang diberikan terhadap perjuangan kesatuan berkenaan selama ini.

Beliau berkata, penganugerahan itu akan memberi dorongan dan motivasi kepada kira-kira 14,000 ahlinya serta Majlis Jawatankuasa Agung KGMMB terus berusaha lebih gigih ke arah mencapai kejayaan pada masa depan.

Selain itu, menurutnya, pengiktirafan berkenaan turut menguatkan lagi semangat KGMMB untuk mempertingkatkan perjuangannya.

"Anugerah itu membuktikan KGMMB juga memiliki kewibawaan dalam perjuangan selama ini. Pihak kesatuan sentiasa memberi keutamaan terhadap kebajikan ahli di samping berusaha mempertingkatkan martabat profesion perguruan.

"Justeru jika ahli menghadapi sebarang masalah, mereka perlu kemukakan perkara terbabit secara terbuka kepada KGMMB dan kesatuan akan berusaha menyelesaikan isu berbangkit itu secara permuafakatan dengan pihak tertentu," katanya.

(END)